

## Varian Dialek Kelantan: Satu Tinjauan Awal

### The Variant Of Kelantanese Dialect: An Early Review

Riduan Makhtar<sup>1</sup>, Shahidi A. Hamid<sup>2</sup>, Abd Ganing Laengkang<sup>3</sup>

#### ABSTRAK

*Kertas kerja ini bertujuan memaparkan hasil penelitian terhadap konsonan dan vokal dialek hulu Sungai Kelantan (HSK). Objektif utama penulisan makalah ini ialah bagi mengenal pasti dan menghuraikan bentuk penyebaran konsonan dan vokal yang terdapat di HSK. Hulu Sungai Kelantan dikatakan menjadi penempatan asal bagi Gua Musang, Kelantan. Bertitik tolak dari pernyataan ini, fokus kajian ini adalah aspek pendeskripsian fonem segmental yang mendasari sistem fonologi hulu Sungai Kelantan yang meliputi pemaparan penyebaran bunyi konsonan dan vokal pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Pendekatan struktural dimanfaatkan sepenuhnya dalam mencapai objektif kajian ini. Informan kajian terdiri daripada penduduk kampung sekitar Hulu Sungai Kelantan yang merupakan penutur asal dialek Kelantan. Data dikumpulkan menerusi teknik temu bual dan rakaman. Hasil analisis yang telah dilakukan, menunjukkan bahawa dialek HSK mempunyai 20 konsonan dan lapan vokal. Perbezaan inventori segmen varian HSK berbanding dengan varian dialek Kelantan di kawasan lain menunjukkan bahawa varian HSK mempunyai keunikannya yang tidak terdapat pada dialek Kelantan di kawasan-kawasan lain.*

**Katakunci:** *Varian, Dialek Kelantan, pendekatan struktural, fonem, konsonan, vokal.*

#### ABSTRACT

*This paperwork is to show the findings of research of consonant and vowel dialect of Hulu Sungai Kelantan (HSK). The main objective of this writing is to identify and to describe the form of consonant and vowel deployment which found in HSK. HSK is known as the original settlements of the Gua Musang, Kelantan. Based on this statement, the main focus of this study is on the segmental phonemical description which based on the phonological system of HSK. This includes the deployment of consonant and vowel sound in the initial, middle and final position of words. Structural approach is fully utilized in achieving the objectives of this research. The research informants are the villagers of HSK who are the original speakers of Kelantanese Dialect. The data mainly collected by using interview and recording techniques. The findings of research show that the dialect of HSK has 20 consonants and eight vowels. The difference between the inventory of variant segment of HSK and other variant of dialect in other areas of Kelantan shows that the Variant of HSK have its uniqueness which not found in other areas of Kelantan.*

**Keywords:** *Variant, Kelantanese Dialect, Structural Approach, Phonem, Consonant, Vowel*

---

<sup>1</sup>Riduan Makhtar ialah pensyarah di Unit Bahasa Melayu, Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, KUIS. Bidang pengkhususan ialah Fonologi Bahasa Melayu. Kini, sedang menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di UPM. riduan@kuis.edu.my

<sup>2</sup>Shahidi A. Hamid merupakan pensyarah kanan Pusat Penyelidikan Bitara Melayu (Bayu), Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, UKM. Bidang kepakaran beliau ialah Dialektologi dan Fonetik. zedic@ukm.edu.my

<sup>3</sup>Abdul Ganing Laengkang ialah pensyarah di Jabatan Peradaban dan Potensi Insan, KUIS. Bidang pengkhususan ialah Pragmatik Melayu. Beliau kini, sedang menyambung pengajian di peringkat Doktor Falsafah di Universiti Malaya dalam bidang pragmatik. abdulganing@kuis.edu.my

## Pengenalan

Varian lazimnya dikaitkan dengan variasi dialek daerah atau dialek tempatan bagi penutur sesebuah kawasan. Kajian tentang dialek-dialek umumnya dikenali sebagai dialektologi. Menurut Ajid Che Kob (2002), dialektologi adalah salah satu cabang linguistik yang menganalisis dan menghuraikan bahasa dari segi kawasan, sosial, atau tempoh, untuk menunjukkan perbezaan sebutan, tatabahasa dan kosa kata, dan penyebaran menurut kawasan. Dialektologi turut membincangkan tentang variasi bahasa dari segi horisontal, vertikal, ataupun temporal, yang dikaitkan dengan riarang atau daerah pemakaiannya, distribusi sosialnya, dan juga zaman varian itu digunakan mempunyai beberapa matlamat atau cita-cita sama ada bersifat sinkronik mahu pun diakronik. Berdasarkan Kamus Linguistik (1997), sinkronik adalah perihal kajian yang ditumpukan pada satu masa tertentu seperti bahasa abad ke-17. Manakala diakronik pula ialah perihal pengkajian yang dilakukan pada dua masa berbeza. Contohnya, yang mengkaji perbezaan bahasa antara abad ke-17 hingga abad ke-21.

Aspek kajian yang lazim diberi penelitian secara tuntas dalam kajian dialek ialah fonologi. Menurut Harimurti Kridalaksana (1985), fonologi sebagai bidang linguistik yang mengkaji bunyi-bunyi bahasa mengikut fungsinya. Manakala, Kamus Dewan Edisi Keempat (2007) pula, mendefinisikan fonologi ialah kajian tentang bunyi sebutan dalam sesuatu bahasa. Oleh itu, fokus kajian dalam kertas kerja ini ialah mengkaji sistem fonologi carian dialek Kelantan (DHSK) yang terdapat di Kelantan. Penemuan berkaitan aspek fonologi dalam kajian ini digunakan untuk melengkapkan dan menyempurnakan kajian-kajian terdahulu yang pernah dilakukan terhadap dialek Kelantan. Kajian ini merupakan suatu usaha yang penting kerana wujudnya keterbatasan dan kelompondan ketara dalam kajian dialek Kelantan di Lembangan Hilir Sungai Kelantan.

### Kajian Lepas & Pernyataan Masalah

Penduduk Kelantan menempati kawasan yang menjadi jaringan sosial yang strategik penduduk peribumi Kelantan di pesisir sungai dan kawasan-kawasan pedalaman. Oleh itu, pengkaji mengandaikan bahawa dialek Kelantan ini pastilah dinamik dan luas kawasannya yang menjangkau sempadan politik dan pentadbiran. Keluasan penuturan dialek ini justeru menggamit minat para pengkaji bahasa terdahulu untuk melakukan penyelidikan lebih lanjut tentang dialek ini.

Antara kajian terawal yang dilakukan terhadap dialek Kelantan adalah kajian Dialektologi Geografi Pasir Mas oleh Ajid Che Kob (1985). Beliau menunjukkan bahawa dialek Kelantan di Pasir Mas mempunyai 20 fonem konsonan dan lapan fonem vokal. Beliau melakukan kajiannya di Pasir Mas, Kelantan dengan meneliti dialek geografi kawasan tersebut. Abdul Hamid Mahmood (1994) pula telah melakukan perbandingan antara dialek Kelantan dengan bahasa Melayu dari segi fonologi, morfologi, ayat, dan leksikal. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa cara mengucapkan kata-kata dalam dialek Kelantan adalah berbeza daripada mengucapkannya dalam bahasa Melayu. Selain itu, Adi Yasran (2005) turut meneliti inventori konsonan dialek Melayu Kelantan berdasarkan pendekatan Fonologi Optimaliti. Dapatan kajian beliau pula menunjukkan terdapat 16 fonem konsonan dalam dialek Kelantan.

Kajian yang dilakukan oleh Asmah Haji Omar pada tahun (1993) meneliti subdialek Kota Baharu yang dianggap oleh beliau sebagai dialek Kelantan yang standard. Subdialek ini digunakan oleh golongan atasan di Kelantan (jika mereka tidak menggunakan bahasa standard) dalam pertuturan mereka, bahkan dalam pertuturan sehari-hari pun. Subdialek Kota Baharu dituturkan di daerah Kota Baharu dan berpusat di Kota Baharu sendiri. Hasil dapatan menunjukkan subdialek Kota Baharu lebih banyak menerima pengaruh dari bahasa Melayu standard, khususnya dalam perbendaharaan kata, jika dibandingkan dengan subdialek-subdialek lain. Terdapat juga beberapa kajian terbaharu yang dijalankan terhadap dialek Kelantan. Antara lainnya kajian oleh Adi Yasran (2010). Beliau telah meneliti inventori vokal dialek Melayu Kelantan. Dapatan kajian beliau menunjukkan bahawa dialek Kelantan hanya mempunyai enam fonem vokal, iaitu /A, ε, ι, o, υ, ↔/.

Ternyata bahawa telah wujud beberapa kajian terdahulu yang berusaha mencerakinkan data dialek Kelantan. Namun demikian, kajian-kajian yang dilakukan oleh pengkaji lepas masih dilihat tidak menyeluruh dari segi daerah kajian dan aspek linguistik. Masih terdapat banyak kawasan yang berpotensi menyerlahkan variasi dialek Kelantan yang belum diperincikan. Tegasnya, keluasan dan kepelbagaian varian dialek Kelantan yang wujud masih banyak yang belum dikaji. Atas faktor keterbatasan dan kelompangan kajian lepas, maka pengkaji telah memilih dan melakukan kajian di Hilir Sungai Kelantan yang masih belum dikaji oleh mana-mana pengkaji luar negara mahupun dalam negara. Pengkaji mendapati kajian terdahulu tidak mengkaji sistem fonologi dalam di kawasan ini lantas mencetuskan persoalan iaitu; apakah bentuk penyebaran fonologi dialek Kelantan di Hilir Sungai Kelantan?

### Objektif Kajian

Pada asasnya objektif kajian makalah ini ialah menyentuh aspek fonetik dan fonologi dengan cara mendeskripsikan sistem fonologi dialek Kelantan di Hulu Sungai Kelantan dengan memaparkan penyebaran bunyi konsonan dan vokal dalam kata dialek Kelantan di Hulu Sungai Kelantan berlandaskan pendekatan struktural.

### Metodologi Kajian

Kajian kepustakaan merujuk kepada usaha pengkaji meneroka, memperoleh dan memanfaatkan maklumat-maklumat penting yang relevan dengan kajian pengkaji daripada sumber-sumber tertentu misalnya perpustakaan arkib dan muzium. Kajian kepustakaan memainkan peranan yang sangat penting dalam sesebuah kajian. Dalam proses menyiapkan kajian ini, kajian kepustakaan sangat berguna dalam konteks mendapatkan maklumat berhubung kajian-kajian lepas, teori dan metodologi kajian lapangan. Rujukan dibuat bagi mendapatkan garis panduan, pengertian, fakta, dan kefahaman bagi setiap istilah yang diperlukan. Rujukan kajian lepas yang mempunyai hubungan dengan dialektologi juga dibuat sebagai panduan kepada pengkaji khususnya yang berkaitan dengan negeri Kelantan.

Menurut Mohd Sheffie Abu Bakar, (1995) kajian kepustakaan ialah kaedah yang digunakan oleh pengkaji bagi mendapatkan data dan bukti melalui kajian ke atas dokumen dan rekod. Terdapat dua bentuk dokumen iaitu dokumen primer dan dokumen sekunder. Tujuan utama kajian kepustakaan adalah bagi mendapatkan maklumat awal yang berkaitan dengan kajian yang ingin dilakukan sebelum pengkaji melakukan kajian di lapangan. Sesebuah kajian yang baik memerlukan penelitian yang mendalam bagi mendapatkan

gambaran awal mengenali rupa bangsa dan organisasi sosial, kawasan kajian, permasalahan yang timbul dalam sesebuah kajian, objektif kajian, dan penyelesaian yang akan di ambil.

Kajian lapangan terbahagi kepada dua bahagian iaitu kajian lapangan hulu dan kajian lapangan hilir. Kajian yang dilakukan oleh pengkaji ini bersifat hulu iaitu kajian ini dilakukan di kawasan-kawasan kampung atau pedalaman. Kajian lapangan atau kajian luar dalam pengertian umum merujuk kepada apa sahaja penyelidikan yang dilakukan oleh seseorang di luar kongkongan fizikal, tempat, atau ruang seperti di luar bilik, di luar pejabat, di luar kampus, di luar negeri, dan sebagainya. Menurut Asmah Hj Omar (2008), kajian lapangan memerlukan kriteria-kriteria penting bagi mendapatkan maklumat dan data yang baik seperti cara merakam, pengumpulan data dan mengumpul kata.

Beberapa teknik telah digunakan dalam mendapatkan maklumat dan data kajian semasa lapangan iaitu teknik temu bual dan rakaman. Teknik temu bual dilakukan terhadap ketua setiap kampung bagi mendapatkan maklumat berkaitan kampung tersebut dan bagi mencari informan yang baik dan sesuai dari segi umur, memiliki anggota artikulasi yang sempurna (tidak cacat), dan orang asal kampung tersebut. Manakala teknik rakaman turut diaplikasikan dalam bagi merakam percakapan informan. Bahasa atau dialek yang telah dirakam akan direkodkan dengan mengtranskripsikan menggunakan format IPA. Tujuan rakaman dibuat adalah bagi memberi kemudahan kepada pengkaji dalam mengulang dengan rakaman percakapan informan dalam memastikan kesahihan data yang diperoleh.

Seramai enam orang informan yang digunakan bagi mewakili dua kawasan kajian iaitu Kampung Limau Nipis dan Sungai Betis. Tiga orang informan dipilih bagi mewakili sebuah kampung. Kedua-dua kampung ini terletak di Hulu Sungai Kelantan. Pemilihan ini bagi mendapatkan data yang menyeluruh untuk bagi kedua-dua kampung di Hulu Sungai Kelantan.

### Pendekatan Kajian

Pendekatan struktural dimanfaatkan sepenuhnya dalam kajian ini. Pemilihan pendekatan ini sebenarnya didasarkan pada beberapa hipotesis umum berkaitan pendekatan ini. Pertama, kaedah yang dipakai dalam pendekatan ini adalah bersifat empiris (induktif). Berdasarkan kaedah ini, sejumlah korpus bahasa yang diperoleh digeneralisasikan secara sistematik. Kedua, bahasa itu adalah ujaran dan kemudian barulah tulisan. Jadi, yang diteliti dan dicatat ialah bahasa lisan. Ketiga, bahasa merupakan satu produk yang terdiri daripada unsur bunyi dan makna. Keempat, pengelasan bunyi berdasarkan distribusinya. Pemilihan pendekatan ini adalah wajar kerana sangat bersesuaian dengan objektif kajian.

Dalam pendekatan struktural, kaedah deskriptif sesuai digunakan untuk memerihalkan aspek bunyi-bunyi bahasa, konsonan, vokal, dan diftong yang terdapat dalam kawasan kajian ini. Menurut Abdullah Hassan (1980), analisis deskriptif terbit daripada kaedah tradisi yang menghuraikan struktur bahasa, termasuklah bunyinya. Bunyi-bunyi yang didengar itu dipinggalkan dan diberi lambang. Kemudiannya bunyi-bunyi tersebut digolongkan kepada sesuatu jenis atas dasar persamaan ciri fonetiknya. Kaedah ini hanya memerlukan penjelasan, huraian atau tafsiran data tentang ciri bahasa sebagaimana ciri itu wujud dan digunakan oleh para penuturnya.

Dalam kajian ini, data dipecahkan kepada dua iaitu bunyi dan kata. Setiap kata ditranskripsikan ke dalam bentuk fonetik. Menurut Samarin (1993: 220), transkripsi fonetik

adalah penting kerana dapat menentukan sama ada sesuatu kajian itu berjaya ataupun tidak. Dalam kajian linguistik, transkripsi fonetik digunakan untuk menunjukkan secara tepat bunyi atau ciri-ciri bunyi yang terdapat dalam ujaran yang telah dianalisis. Transkripsi fonetik dilakukan menggunakan lambang fonetik antarabangsa, iaitu (*International Phonetic Alphabet* (IPA)). Setiap bunyi yang wujud dalam kawasan kajian ini dipaparkan dalam bentuk rajah. Seterusnya, penyebaran bunyi konsonan, vokal, dan diftong dalam kata sama ada pada awal, tengah, ataupun pada akhir kata dipaparkan mengikut kawasan.

## Dapatan Kajian

Berdasarkan Kamus Linguistik (1997), fonem merujuk kepada unit terkecil abstrak yang membezakan makna, jika berdasarkan fungsi. Contohnya, / $\pi$ A $\lambda$ AN/ dan / $\gamma$ A $\lambda$ AN/, / $\pi$ / dan / $\gamma$ / dianggap dua fonem yang berbeza. Manakala alofon didefinisikan sebagai kelainan bunyi yang merupakan anggota daripada satu fonem. Posisi bunyi tersebut ditentukan oleh persekitaran yang saling melengkapi atau dalam keadaan kelainan bebas. Contohnya, bunyi [ $\kappa$ ] dan [/] dikatakan alofon yang saling melengkapi dalam [ $\kappa$ oko/]. Bunyi [ $\kappa$ ] tidak boleh berada di bahagian akhir contoh tersebut; bunyi [A] dan [ $\leftrightarrow$ ] pula dikatakan dalam keadaan kelainan bebas dalam [ $\pi$ A $\pi$ A $\psi$ A] dan [ $\pi$  $\leftrightarrow$  $\pi$ A $\psi$ A] kerana pada posisi tertentu, bunyi [A] dan [ $\leftrightarrow$ ] dalam contoh tersebut tidak mengubah makna.

Perbincangan seterusnya memaparkan deskripsi kehadiran segmen konsonan, vokal dan diftong DSN.

## Konsonan DSN

Derivasi dialek Hulu Sungai Kelantan (HSK) mempunyai 18 bunyi konsonan. Jadual 1 di bawah memaparkan inventori konsonan yang wujud dalam Dialek Kelantan (DSN).

**Jadual 1 Inventori Konsonan DSN**

Daerah Cara Sebutan	Dua Bibir	Gigi- Gusi	Gusi- Lelangit Keras	Lelangit Keras	Lelangit Lembut	Anak Tekak	Pita Suara
Hentian	$\pi$ $\beta$	$\tau$ $\delta$			$\kappa$ $\gamma$		/
Nasal	$\mu$	$\nu$		)	N		
Frikatif		$\sigma$ $\zeta$					$\eta$
Lateral		$\lambda$					
Afrikat				t $\Sigma$ $\delta$ Z			
Separuh Vokal	$\omega$						

## Bunyi Konsonan Hentian

Bunyi konsonan hentian yang terdapat dalam DHK ialah konsonan hentian dua bibir [p] dan [b], hentian gigi-gusi [t] dan [d], hentian lelangit lembut [k] dan [g], dan hentian pita suara [ʔ].

## Bunyi Konsonan Hentian Dua Bibir

Terdapat dua bunyi hentian dua bibir iaitu [p] dan [b] dalam varian Sungai Nenggiri. Bunyi dua bibir tak bersuara [p] dan hentian dua bibir bersuara [b] hadir pada posisi awal, dan tengah sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	πιπι <sup>φ</sup>	‘pipi’
	π↔⊗□/	‘perut’
	πA⊗υ-πA⊗υ	‘paru-paru’
	βA⊗υ	əβαρυə
	βυβυ <sup>ω</sup>	əβυβυρə
Tengah Kata:	βAσ□η	əβασαηə
	πιπι <sup>φ</sup>	‘pipi’
	γAπo	‘apa’
	τAπ□/	‘tapak’
	βυβυ <sup>ω</sup>	‘bubur’
	σ↔βυ <sup>ω</sup> □η	‘sebuah’
	βAβι <sup>φ</sup>	‘babi’

#### Bunyi Konsonan Hentian Gigi-Gusi

Terdapat dua bunyi hentian gigi-gusi iaitu [t] dan [d]. Konsonan tidak bersuara [t] dan konsonan bersuara [d] hadir dalam semua posisi iaitu pada awal dan tengah kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	τ□/ τυ <sup>ω</sup>	‘mertua’
	τυκE) μAσ□/	‘tukang masak’
	δ□/	‘tidak’
	διφο	‘dia’
Tengah Kata:	δZAτοη	‘jatuh’
	κ↔λατE)	‘Kelantan’
	βυδ□/	‘budak’
	κ↔λαδι <sup>φ</sup>	‘keladi’

#### Bunyi Konsonan Hentian Lelangit Lembut

Terdapat dua bunyi hentian lelangit lembut iaitu hentian lelangit lembut bersuara [k] dan hentian lelangit lembut tak bersuara [γ] yang hadir pada semua posisi iaitu pada posisi awal, dan tengah kata sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	κυ <sup>ω</sup> λι/	‘kulit’
	κ↔νιN	‘kening’
	γ□	‘apa’

	γιγι <sup>φ</sup>	‘gigi’
Tengah Kata:	κΑκι <sup>φ</sup>	‘kaki’
	β↔λακΕ)	‘belakang’
	γιγι <sup>φ</sup>	‘gigi’
	δΑγυ <sup>φ</sup>	‘dagu’

### Bunyi Konsonan Afrikat Pita Suara

Dalam HSK, terdapat bunyi hentian pita suara [ʔ] yang hadir pada posisi tengah dan akhir kata sahaja. Contohnya ialah:

	HSK	BMS
Tengah Kata:	σ↔/κολ□η	‘sekolah’
	ι/σιδ↔)N	‘kemalangan’
Akhir Kata:	βισι/	‘berbisik’
	τ□/	‘tidak’

### Bunyi Konsonan Nasal

Dalam HSK terdapat empat konsonan nasal iaitu nasal dua bibir [m], nasal gigi gusi [n], nasal lelangit keras [N] dan nasal lelangit lembut [ŋ].

### Bunyi Nasal Dua Bibir

Bunyi nasal dua bibir [m] hadir pada posisi awal, dan tengah. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	μΑτι <sup>φ</sup>	‘mati’
	μυγ□	‘semoga’
Tengah Kata:	λαμ□	‘lama’
	ναμ□	‘nama’

### Bunyi Nasal Gigi-Gusi

Bunyi nasal gigi-gusi [n] hadir pada posisi awal, dan tengah. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	ν□/	‘hendak’
	νι	‘ini’
Tengah Kata:	λ□νι	‘sekarang’

### Bunyi Nasal Lelangit Keras

Bunyi nasal lelangit keras [ɲ] hanya hadir pada posisi awal sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	ɲo	'kelapa'
	ɲiδA	'penyidai'

### Bunyi Nasal Lelangit Lembut

Bunyi nasal lelangit keras [ŋ] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Tengah Kata:	τANE)	'tangan'
	λANɪ/	'langit'
Akhir Kata:	ɪδoN	'hidung'
	κ↔vɪN	'kening'

### Frikatif Gigi-Gusi

Bunyi konsonan frikatif gigi-gusi bersuara [s] hadir pada posisi awal, dan tengah kata. Manakala frikatif gigi-gusi tak bersuara [z] hadir pada posisi awal kata sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	σɪ/υ	'siku'
	σ↔⊗Aτɪφ	'serati'
Tengah Kata:	ζɪN	'sink'
	βɪAσ□	'biasa'
	β↔σ□	'biasa'

### Frikatif Pita Suara

Bunyi konsonan frikatif pita suara [h] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Tengah Kata:	μAηA	'mahal'
	μA⊗ɪN	'kelmarin'
Akhir Kata:	δZAτoη	'jatuh'
	βAσ□η	'basah'

### Bunyi Konsonan Lateral Gigi Gusi

Bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] terdapat pada posisi awal dan tengah kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	λɪδ□η	'lidah'
	λANɪ/	'lelangit'

Tengah Kata:	$\pi\lambda\lambda$ $\tau\lambda/\lambda E\eta$	‘kepala’ ‘tidak boleh’
--------------	--	---------------------------

### Bunyi Konsonan Afrikat Lelangit Keras Tak Bersuara

Bunyi frikatif lelangit keras bersuara hadir [tʃ] hadir pada posisi awal kata sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	$\tau\lambda\leftrightarrow\pi\leftrightarrow\delta$ $\tau\lambda\iota\kappa\upsilon$	‘cempedak’ ‘ciku’
Tengah Kata:	$\pi\upsilon\tau\lambda\eta\omicron N$ $\mu A\tau\lambda E$ )	‘pucat’ ‘macam’

### Bunyi Konsonan Afrikat Lelangit Keras Bersuara

Konsonan afrikat lelangit keras [dʒ] hadir pada posisi awal dan tengah kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	$\delta Z A \otimes E$ ) $\delta Z A \tau \eta$	‘jarang’ ‘jatuh’
Tengah Kata:	$N A \delta Z \iota^{\phi}$ $\delta Z \upsilon \gamma$ ‘juga’	‘mengaji’

### Bunyi Konsonan Separuh Vokal

Varian HSK mempunyai dua bunyi separuh vokal iaitu konsonan separuh vokal dua bibir /w/ dan separuh vokal lelangit keras /y/.

### Bunyi Konsonan Separuh Vokal Dua Bibir

Bunyi konsonan separuh vokal dua bibir [w] hadir pada semua posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Contohnya:


	HSK	BMS
Awal Kata:	$\omega A$ /	‘buat’
Tengah Kata:	$\beta A \omega E$ )	‘bawang’
Akhir Kata:	$\beta \upsilon \beta \upsilon \omega$ $\sigma \leftrightarrow \pi \upsilon \pi \upsilon^{\omega}$	‘bubur’ ‘sepupu’

### Vokal HSK

Derivasi dialek Kelantan, vokal HSK mempunyai 6 vokal yang terdiri daripada vokal depan, tengah dan vokal belakang. Jadual 1 di bawah memaparkan inventori vokal yang wujud dalam di Hulu Sungai Kelantan.

**Jadual 1 Inventori Vokal DHSK**

Bahagian / Posisi	Depan	Tengah	Belakang
Tinggi	ɪ		ʊ
Separuh Tinggi	ɛ	↔	o
Separuh Rendah	E		□
Rendah	A		



**Bunyi Vokal Tinggi [i] dan [u]**

Terdapat dua bunyi vokal tinggi dalam HSK. Vokal-vokal tersebut ialah vokal tinggi depan [i] dan vokal tinggi belakang [u]. Bunyi vokal [i] dan [u] hadir dalam posisi awal, tengah, dan akhir kata. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	ɪκE	‘ikan’
	ɪδoN	‘hidung’
	ɪɪ/	‘itik’
	ʊ <sup>u</sup> β□/	‘umbut’
	ʊδE	‘udang’
Tengah Kata:	σɪ/ʊ	‘siku’
	κ↔vɪN	‘kening’
	β↔ɪɲ	‘betis’
	λʊτʊ/	‘lutut’
	κʊ <sup>o</sup> λɪ/	‘kulit’
	τʊμɪ/	‘tumit’
Akhir Kata:	μA⊗ɪ	‘mari’
	δZA⊗ɪ	‘jari’
	πANγɪ	‘panggil’
	σɪ/ʊ	‘siku’
	πA⊗ʊ-πA⊗ʊ	‘paru-paru’
	τʊ	‘itu’

**Bunyi Vokal Separuh Tinggi [e] dan [o]**

Terdapat dua bunyi vokal separuh tinggi iaitu bunyi vokal separuh tinggi depan [e] dan vokal belakang separuh tinggi [o]. Penyebaran vokal [o] lebih meluas berbanding vokal [e]. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	o⊗E	‘orang’
Tengah Kata:	ιδoN δZAτoN	‘hidung’ ‘jantung’
Akhir Kata:	κ↔λoπ□ μAτ□ λιο φο	‘kelopak mata’ ‘kelapa’ ‘dia’

### Bunyi Vokal Separuh Rendah [E] dan [□]

DHSK turut menyerlahkan kewujudan dua bunyi vokal separuh rendah iaitu bunyi vokal separuh rendah depan [E] dan vokal separuh rendah belakang [□]. Penyebaran kedua-dua vokal agak meluas dalam data yang dikaji. Contohnya:

	HSK	BMS
Awal Kata:	Eσ□/ □⊗A/	‘esok’ ‘urat’
Tengah Kata:	λAEv βEτιη λEπA σ↔β↔λ□η μ□/	‘lain’ ‘betis’ ‘lempar’ ‘sebelah’ ‘emak’
Akhir Kata:	βA <sup>v</sup> ψE βα⊗E λ↔NE τA <sup>v</sup> φ□ σAδZ□ βAησ□	‘banjir’ ‘barang’ ‘lengan’ ‘tanya’ ‘sahaja’ ‘bahasa’

### Bunyi Vokal Rendah[a]

Bunyi vokal rendah depan [A] menunjukkan kehadiran pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Contohnya bagi perkataan:

	HSK	BMS
Awal Kata:	AδE/ Aφ□η Aβ□η	‘adik’ ‘ayah’ ‘abah’
Tengah Kata:	δA⊗□η δZA⊗ι κAvE	‘darah’ ‘jari’ ‘kanan’
Akhir Kata:	AκA	‘akar’

$\delta \leftrightarrow NA$	‘dengar’
$\lambda_1 \delta A$	‘penyidai’

### Bunyi Vokal Tengah [ $\leftrightarrow$ ]

Bunyi vokal tengah [ $\leftrightarrow$ ] hadir pada posisi tengah kata sahaja. Contohnya:

	HSK	BMS
Tengah Kata:	$\sigma \leftrightarrow \mu \upsilon /$	‘semua’
	$\sigma \leftrightarrow \beta \leftrightarrow \lambda A \iota \eta$	‘sebelas’
	$\lambda \leftrightarrow \pi A \eta$	‘lepas’

### Perbincangan

Konsonan hentian [p, b, t, d, k,  $\gamma$ ] menunjukkan kehadiran pada dua posisi sahaja iaitu pada posisi awal kata dan tengah kata dalam varian hulu Sungai Kelantan. Dengan kata lain, konsonan hentian berkenaan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi akhir kata. Pada posisi akhir kata dalam HSK, konsonan-konsonan tersebut (kecuali [ $\gamma$ ]) akan bertukar menjadi bunyi hentian glotal [ʔ]. Misalnya, dalam perkataan “tutup” disebut sebagai [ $\kappa A \tau o /$ ] dan ‘Thailand’ sebagai [ $\tau \eta \alpha \iota \lambda \alpha \nu$ ]. Konsonan [ $\gamma$ ] pula akan digugurkan dalam HSK.

Bunyi nasal [m, n] didapati hadir pada posisi awal, dan tengah kata manakala konsonan [n] pada posisi akhir kata dalam HSK akan digugurkan secara serentak dengan perubahan kualiti vokal di akhir kata. Contohnya bagi perkataan [ $\mu \alpha \tau \Sigma E$ ] bermaksud ‘macam’ dan perkataan [ $\kappa \alpha \nu E$ ] yang maksud ‘kanan’.

Bunyi nasal lelangit keras [ɲ] hanya hadir pada posisi awal sahaja. Pada posisi tengah dan akhir kata, konsonan ini tidak menunjukkan apa-apa kehadiran. Bunyi nasal lelangit keras [N] hadir pada posisi tengah dan akhir kata. Manakala pada posisi awal kata, konsonan [N] tidak ditemui hadir dalam HSK.

Bunyi konsonan frikatif gigi-gusi tak bersuara [s] hadir pada posisi awal, dan tengah kata. Manakala frikatif gigi-gusi tak bersuara [z] hadir pada posisi awal kata sahaja. Bunyi konsonan [σ] tidak menunjukkan kehadirannya pada posisi akhir kata kerana di dalam dialek Kelantan bunyi konsonan [σ] akan ditukar kepada bunyi konsonan frikatif pita suara [ɲ]. Contohnya bagi perkataan [ $\kappa \iota \pi A \eta$ ] ‘kipas’. Manakala bagi bunyi konsonan [ζ], tidak menunjukkan kehadiran pada posisi tengah dan akhir kata. Bunyi konsonan frikatif pita suara [h] pula hadir pada awal dan posisi akhir kata. Manakala pada posisi awal kata, bunyi konsonan [h] tidak menunjukkan kehadiran kerana pada posisi ini bunyi konsonan [h] akan digugurkan. Contohnya dalam perkataan [ $\iota \delta o N$ ] bermaksud ‘hidung’ konsonan [ɲ] telah digugurkan.

Bagi konsonan sengau lelangit lembut “N” pula, konsonan ini dikekalkan pada kedudukan akhir kata dalam varian Hulu Sungai Kelantan. Contohnya kajian yang telah dilakukan oleh Ajid Che Kob (1985) di Pasir Mas berkaitan dengan pemetaan dialek Kelantan kawasan Pasir Mas menunjukkan bahawa konsonan sengau lelangit lembut “N”

menunjukkan penghilangan atau pengguguran pada semua perkataan dalam kedudukan akhir kata. Lain keadaannya yang berlaku pada dialek varian Hulu Sungai Kelantan yang mengekalkan kewujudan konsonan lelangit lembut “N” pada kedudukan akhir kata. Contohnya pada perkataan “terbang”, “udang”, “lubang”, dan “pasang”. Pengekalan penggunaan konsonan “N” membezakan antara varian dialek Kelantan di kawasan Hulu Sungai Kelantan dengan dialek Kelantan di kawasan-kawasan lain seperti Pasir Mas dan Hilir Sungai Kelantan. Menurut informan di kawasan Sungai Nenggiri ini, penggunaan konsonan lelangit lembut ‘N’ ini sudah tidak banyak digunakan oleh generasi muda kini, malah semakin hilang setelah kematian orang-orang lama yang mendiami kawasan Sungai Nenggiri ini.

Bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] terdapat pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Manakala pada posisi akhir kata tidak menunjukkan kehadiran. Hal ini kerana, dalam dialek Kelantan bunyi konsonan lateral gigi-gusi [l] telah digugurkan. Contohnya untuk perkataan [τ<sup>h</sup>βo] bermaksud ‘timbul’. Bunyi frikatif lelangit keras bersuara hadir [tʃ] hadir pada posisi awal dan tengah kata sahaja. Bunyi frikatif [tʃ] tidak menunjukkan kehadiran pada akhir kata. Manakala, konsonan afrikat lelangit keras [δʒ] hadir pada posisi awal dan tengah kata. Manakala pada posisi akhir kata, bunyi konsonan [δʒ] tidak menunjukkan apa-apa kehadiran. Ketidakhadiran bunyi ini pada posisi berkenaan adalah lazim bagi semua dialek Melayu termasuklah dialek Kelantan. Bunyi konsonan separuh vokal [w, j] hadir pada semua posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah, dan akhir kata.

Penelitian ke atas sistem vokal HSK menunjukkan terdapatnya dua bunyi vokal tinggi iaitu vokal tinggi depan [i] dan vokal tinggi belakang [u]. Kedua-duanya ditemui hadir pada posisi awal, tengah, dan akhir kata. Kajian ini juga mendapati bahawa wujud dua bunyi vokal separuh tinggi iaitu bunyi vokal separuh tinggi depan [e] dan vokal belakang separuh tinggi [o] serta dua vokal separuh rendah iaitu bunyi vokal separuh rendah depan [E] dan vokal belakang separuh rendah [□]. Manakala, bunyi vokal tengah [↔] hadir pada posisi tengah kata dan tidak menunjukkan kehadiran pada posisi awal dan akhir kata. Dialek Kelantan tidak menggunakan vokal tengah [↔] pada posisi awal dan akhir kata. Contohnya bagi perkataan [ˈπατ] bermaksud ‘empat’, vokal tengah [↔] telah digugurkan pada posisi awal kata. Penelitian lanjut berjaya menyerlahkan kehadiran vokal rangkap dalam tiga bentuk iaitu vokal rangkap depan-depan [aE], vokal rangkap belakang-depan [uE], dan vokal rangkap depan-tengah [eɪ]. Kehadiran vokal rangkap-vokal rangkap ini berada pada posisi tengah kata tetapi tidak menunjukkan posisi pada awal dan akhir kata.

## Kesimpulan

Pemaparan data dan penghuraian yang dilakukan dalam makalah ini telah menjelaskan dengan serba sedikit tentang hasil dapatan berkaitan tinjauan awal dialek hulu Kelantan. Pemilihan kawasan tinjauan di dua buah kampung iaitu Kampung Limau Kastari dan Sungai Nenggiri di daerah Gua Musang menunjukkan, derivasi dialek Kelantan Hulu Sungai Kelantan mempunyai 18 bunyi konsonan yang berpotensi menempati ketiga-tiga posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah dan akhir kata. Kajian ini turut memaparkan bahawa derivasi dialek hulu Kelantan mempunyai lapan vokal yang terdiri dari /ɪ/, /ʊ/, /ɛ/, /o/, /E/, /□/, /A/ dan /↔/ yang turut menempati pada ketiga-tiga posisi dalam kata iaitu pada posisi awal, tengah dan akhir kata.

## Penghargaan

Kertas ini merupakan sebahagian daripada analisis penyelidikan bagi projek KUIS-GPIK-20005161-2017.

## Rujukan

- Adi Yasran Abdul Aziz. 2005. Aspek fonologi dialek Kelantan: Satu analisis teori optimaliti. Tesis Doktor Falsafah, Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Adi Yasran Abdul Aziz. 2010. Inventori Vokal Dialek Melayu Kelantan: Satu Penilaian Semula. *Jurnal Linguistik*. 11: 1-19.
- Ajid Che Kob. 1985. *Dialek geografi Pasir Mas*. Monograf 3, Institut Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Alias Mahpol, Kamaruzaman Mahayiddin & Noor Ein Mohd. Noor. 1992. *Bahasa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 1985. *Susur Galur Bahasa Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Haji Omar. 2008. *Susur Galur Bahasa Melayu Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Asmah Hj. Omar. 2008. *Kaedah Penyelidikan Bahasa di Lapangan Edisi Kedua*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ayatrohaedi. 1979. *Dialektologi Sebuah Pengantar*. Pusat Pembinaan Departemen Pendidikan dan Kebudayaan Jakarta.
- Collins, J. T. 1983. *Dialek Ulu Terengganu*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Collins J. T. 1999. *Wibawa Bahasa: Kepiawaian dan kepelbagaian*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Farid M. Onn & Ajid Che Kob. 1993. *Simposium Dialek Penyelidikan dan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hashim Awang. 1996. *Field Work: Satu Pencarian dan Pengalaman*. Universiti Malaya: Akademi Pengajian Melayu.
- J. K Chambers & Peter Trudgill. 1990. *Dialektologi*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- \_\_\_\_\_. 1997. *Kamus Linguistik*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansoer Pateda. 1988. *Linguistik: sebuah pengantar*. Bandung: Penerbit Angkasa Bandung, Indonesia.
- Noriah Mohamed. 1999. Pengelompokan Bahasa. *Jurnal Dewan Bahasa*. 12 (43):1077-1107.
- Saussure, Ferdiand de. 1988. *Pengantar Linguistik Umum*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- Verhaar, J. W. M. 1981. *Pengantar Linguistik*. Yogyakarta: Gadjah Mada University Press.
- William J. Samarin. 1993. *Linguistik Lapangan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.